# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 47 — RABU 24HB. NOBEMBER, 1976. — رابو 2 ذوالحجه 1396 — PERCHUMA


# BANK DARUSSALAM TIDAK PERNAH UJUD — M.B.

PEKAN BANGAR. — Bank Darussalam tidak pernah ujud di-negeri ini untok menjalankan perniagaan-nya saperti mana yang di-nyatakan dalam laporan salah sa-buah akhbar tempatan yang menyatakan ada-nya bank tersebut.

Kerajaan maseh lagi belum mengeluarkan lesen perniagaan kapada bank tersebut walau pun ia-nya telah di-daftarkan dalam undang2 perniagaan di-negeri ini.

Demikian telah di-jelaskan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail dalam sabda-nya ketika merasmikan pembukaan chawangan baru bagi Pemodalan dan Kewangan Kalimantan Berhad di-sini pada Jumaat lepas.

Yang Amat Berhormat dalam sabda-nya juga telah mengalu2kan usaha Sharikat Kalimantan yang telah menubohkan chawangan-nya di-daerah itu dengan tujuan untok membekalkan keperluan kewangan bagi mempesatkan lagi perkembangan projek kerajaan dan usaha pendudok di-daerah ini.

Dengan terbuka-nya chawangan bank tersebut minggu lalu menjadikan ia-nya sa-bagai pusat kewangan yang pertama di-adakan di-daerah tersebut untok tujuan2 awam.

Untok memulakan perniagaan-nya bank itu telah menempatkan empat orang kakitangan-nya bagi mengendalikan semua urusan perniagaan-nya kechuali perkhidmatan pertukaran mata wang asing.

Beberapa chawangan lain bagi bank tersebut telah juga di-tubohkan di-lain2 daerah sejak ia-nya menjalankan perniagaan di-negeri ini dalam tahun 1968. Chawangan di-daerah ini ada-lah chawangan kelima sa-lain dari di-Bandar Seri Begawan, Kuala Belait, Seria dan Pekan Muara.

Antara yang hadhir di-majlis pembukaan rasmi chawangan baru Pemodalan dan Kewangan Kalimantan itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha, Pegawai Daerah Temburong dan Pegawai2 kanan Kerajaan serta Pengerusi Lembaga Pengarah sharikat tersebut yang juga turut beruchap.



Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abd Momin memotong pita sa-bagai menandakan perasmian Chawangan Pemodalan dan Kewangan Kalimantan Berhad di-Pekan Bangar pada hari Jumaat minggu lalu.

## *P'matan w-kiriman*

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perkhidmatan Wang2 Kiriman (Money Order) akan di-adakan di-Pejabat Pos Tutong mulai 1hb Disember depan. Perkhidmatan ini ada-lah sa-bagai tambahan kapada penjualan2 dan penerimaan2 Wang Pos British di-pejabat itu.

Pemangku Ketua Pos Agong, Pengiran Jahudin bin Pengiran Limbang menyatakan, perkhidmatan2 yang akan di-adakan itu termasok-lah Pembayaran Wang2 Kiriman yang di-terima dan Penerimaan Wang2 kiriman biasa dan taligerap (TMO).



YANG Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Laila Jasa Awang Mohd Nawawi turun dari Lapau sa-telah Istiadat Mengorniakan gelaran kapada beliau pada hari Isnin minggu lalu.

Istiadat tersebut telah di-langsongkan di-hadapan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan di-hadhiri oleh pembesar2 negara.

## Asterawani adakan lawatan ka-pusat2 sejarah Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pusat2 sejarah dan ranchangan2 ekonomi akan menjadi tumpuan lawatan rombangan Asterawani ka-Manila akhir bulan depan.

Rombongan itu akan berada di-Manila sa-lama 4 hari dan akan meninggalkan tanah ayer pada 26hb. Disember.

Juruchakap Asterawani menyatakan, ranchangan lawatan itu memberi peluang kapada ahli2 persatuan itu dan juga membukakan-nya kapada belia2 Brunei yang berminat dalam pelanchongan.

Antara tempat menarek yang telah pun di-ator untok di-lawati ia-lah Pusat Sejarah Port Santiago, Muzium Kebangsaan, Pusat Ranchangan Pertanian Kebangsaan, Academic Centre dan Tugu Peringatan Rizal.

Tiap2 peserta rombongan di-kenakan bayaran sa-banyak $450.00 Bayaran ini ada-lah meliputi bayaran2 tambang pergi dan balek, makan, sewa hotel dan kenderaan untok lawatan.

Kapada belia2 yang berminat sila-lah menghubongi Setia Usaha Asterawani di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei untok mendapatkan keterangan lanjut.

## *Lawatan Ahli2 M.M.N.*

MUARA. — Sa-ramai 11 orang Ahli Majlis Meshuarat Negeri yang di-ketuai oleh speaker-nya, YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar telah melawat Pengkalan Laut Pertama di-Muara pada hari Isnin lalu.

Ketibaan mereka di-pangkalan itu telah di-sembut oleh Pemerentah AMDB, Colonel Norman Roberts Pegawai Pemerentah Angkatan Laut Pertama, Lt. Col. David Wright telah memberikan taklimat mengenai ranchangan2 untok meluaskan angkatan itu.

Ahli2 Yang Berhormat itu kemudian-nya menaiki dua buah kapal ronda dan di-bawa belayar mengelilingi perayeran Brunei.

PELITA BRUNEI

24HB NOBEMBER, 1976

# Masaalah Perumahan Kakitangan Kerajaan

MASAALAH kekurangan perumahan bagi pegawai2 dan kakitangan Kerajaan ini bukan-lah suatu perkara baru, malahan semua negeri2 yang sedang membangun sama2 menghadapi-nya. Dengan sebab itu-lah pehak berkuasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, telah, sedang dan akan terus berusaha sedaya-upaya yang termampu untok mengatasi masaalah tersebut. Bokti-nya, pehak berkuasa Kerajaan sa-lama ini sedang giat melaksanakan pembenaan perumahan dari berbagai jenis, mithal-nya; perumahan Kelas B, C, E, F, G, Flat dan hingga-lah ka-bangunan Barek. Dan di-samping itu juga Kerajaan telah menyediakan kemudahan meminjamkan wang untok membena rumah persendirian bagi pegawai2 dan kakitangan tempatan. Jadi-nya, kurang-lah bijaksana kalau kita sengaja melupakan segala usaha serta kemudahan2 yang telah di-sediakan oleh Kerajaan pada mengatasi masaalah tersebut.

Harus-lah juga di-sedari bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyempurnakan masaalah kebajikan perumahan bagi pegawai2 dan kakitangan-nya itu tidak-lah terhad. Akan tetapi terus menerus di-usahakan menurut keupayaan dan kemampuan, sekalipun suatu hal yang kurang jelas atau kurang di-mengerti oleh kita sendiri bahawa dalam pengambilan perkhidmatan (bekerja) saperti yang telah di-sharatkan Kerajaan tidak menyediakan tempat tinggal (perumahan) berbanding dengan pegawai2 yang di-pinjamkan dari luar negeri.

Saperti penjelasan YB Setia Usaha Kerajaan bahawa kerana sharat perkhidmatan pegawai2 luar itu-lah menyebabkan Kerajaan terpaksa menyediakan tempat tinggal mereka itu yang antara-nya sa-hingga terpaksa menempatkan mereka itu di-rumah2 penginapan dan di-hotel2 di-negeri kita ini. Keutamaan saperti ini, sama-lah juga saperti apa yang telah di-lakukan ka-atas pegawai2 tempatan, yang telah di-tempatkan di-seberang laut dalam mana Kerajaan juga terpaksa menyewa tempat2 tinggal untok mereka itu sekalipun pembayaran-nya dua kali ganda dari jumlah gaji yang mereka dapati.

Dan ini bukan-lah bererti yang Kerajaan itu sengaja membelakangkan kepentingan atau kehendak2 pegawai2 dan kakitangan tempatan, malahan rasa hati Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dalam hal ini sama-lah juga di-umpamakan rasa hati ibubapa terhadap anak2-nya untok memenohi permohonan sa-takat yang terdaya dan termampu di-usahakan.

Suatu hal yang harus kita sedari bahawa negeri dan pendudok kita amat-lah beruntong kerana mendapat tenaga2 berkemahiran dari luar negeri untok menolong melancharkan projek pembangunan yang sedang giat di-usahakan di-negeri kita sekarang ini. Sebab itu-lah kehadhiran pegawai2 luar negeri, di-negeri kita ini amat perlu serta di-alu2kan, kerana mereka itu juga telah memberikan pengorbanan yang bukan sadikit nilai-nya dan sa-tengah2 daripada-nya sanggup membelakangkan kehendak negara dan bangsa-nya kerana terdorong oleh sifat2 yang ingin berbakti dan menolong negara2 yang sedang membangun.

Hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyempurnakan masaalah perumahan ini sudah jelas akan dapat di-renganmkan, kalaupun belum dapat di-atasi mulai tahun hadapan dan juga tahun2 berikut-nya. Projek yang boleh menempatkan tidak kurang dari 100 unit tempat tinggal di-Kampong Anggerek Desa, perumahan Persekutuan Guru2 serta penyewaan Flat2 dan perumahan2 awam ada-lah di-hasratkan untok dapat mengatasi masaalah tersebut. Bagi kakitangan rendah Kerajaan pula, Kerajaan berharap projek perpindahan dan perumahan yang sekarang ini maseh dalam penyiasatan dan penyelidekan itu akan dapat di-segerakan pelaksanaan-nya.

Mari-lah kita sama2 merestui segala usaha2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada menyempurnakan hajat dan chita2-nya untok memberikan kebahagiaan hidup raayat dan pendudok di-negeri ini, bukan hanya ia-nya dalam masaalah perumahan pegawai2 dan kakitangan-nya malah dalam semua aspek lapangan pembangunan dan kemajuan. Kerana tidak ada masaalah yang tidak dapat di-atasi itu — ada baik-nya kita selesaikan satu demi satu masaalah itu daripada memperbanyakkan-nya.





# "TINGKATAN PERTAMA" BERAKHIR DENGAN KEJAYAAN

PEKAN BANGAR, Temburong. — Latehan tentera sa-lama 10 hari telah berakhir pada hari Rabu minggu lalu dengan satu gerakan menangkap anggota subversif di-hutan Daerah Temburong. (Lihat gambar2).

Latehan yang di-ambil bahagian oleh lebeh dari 500 orang anggota Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei itu di-beri nama 'Tingkatan Pertama'. Latehan yang berpusat di-Pekan Bangar itu di-bawah arahan Lt. Col. Andrew Duncan.

Anggota2 dari 'C' Kompeni, Battalion Pertama telah bertindak sa-bagai 'musoh' sa-masa latehan itu.

Pesawat2 helikopter dari Chawangan Udara, bot2 ronda dari Pasokan Laut Pertama Askar Melayu Diraja juga telah mengambil bahagian dalam latehan tersebut.

# Setem2 ini tidak sah di-gunakan sa-lepas 1 Dis.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Orang ramai ada-lah di-ingatkan bahawa setem2 Brunei tetap keluaran lama yang di-gunakan sejak tahun 1952 telah di-tarek penjualan-nya dari semua pejabat2 pos di-negeri ini mulai 15hb Nobember yang lalu.

Menurut Pemangku Ketua Pos Agong, Pengiran Jaluddin bin Pengiran Limbang, setem2 yang berharga 1 sen, 2 sen, 3 sen, 4 sen, 6 sen, 8 sen, 10 sen, 15 sen, 25 sen, $1, $2 dan $5 akan di-anggap sa-bagai tidak sah di-pergunakan untok maksud2 pos dan hasil mahsul mulai dari 1hb Disember, 1976.

Kata-nya, hanya setem2 baru dengan wajah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang di-keluarkan sejak tahun 1968 sahaja akan di-gunakan sa-lepas tarikh tersebut.

## PESTA HARI RAYA

PEKAN TUTONG. — Battalion Kedua AMDB akan mengadakan pesta Hari Raya bulan depan bertempat di-Perkhemahan Tutong.

Antara achara yang akan di-persembahkan ia-lah joget dan berbagai aneka hiboran. Pertunjokan bunga api juga akan di-adakan.

Mess baru Pegawai2 Warrant, Staff Sarjan dan Sarjan juga akan di-rasmikan pembukaan-nya pada malam itu.

# PELAJARAN ASAS UTAMA BAGI K'JUAN SA-SEBUAH NEGERI

DUA minggu berturut2, kita telah berchakap mengenai hal ehwal pepereksaan bagi anak2 dan pechuchuan kitani di-berbagai sekolah di-negeri ini, tekaduhong perkara pepereksaan itu kita binchangkan, bisai tah jua kita berchakap mengenai hubongan-nya dengan hal ehwal pelajaran pada keselurohan-nya bagi negeri Brunei yang sama2 kita kasehi ini.

Dengan tiada sak lagi, pelajaran itu ada-lah menjadi asas utama bagi menentukah perkembangan dan kemajuan sa-sebuah negeri, ini berma'ana bahawa perkembangan dan kemajuan pelajaran itu sendiri harus-lah di-beri perhatian yang berat oleh semua pehak yang terlibat, di-samping pelajaran rasmi yang di-dapati melalui sekolah, maka terdapat pula pelajaran yang tidak rasmi yakni didekan dan asohan yang di-dapati di-rumahtangga serta pergaulan sa-hari2 dengan jiran dan masharakat.

Di-antara perkara2 yang patut kita fikirkan dengan sunggoh2 mengenai pelajaran ini ia-lah, bagaimana kita hendak menentukan bahawa anak2 dan chuchu-chichit kita yang hidup pada masa ini akan terus berpegang tegoh dengan kehidupan chara orang Brunei yakni chara hidup kitani.

Chara hidup orang Brunei itu antara lain ia-lah bahawa orang Brunei kuat berpegang kapada ugama: sekurang2-nya orang Brunei tahu membacha Quran, tahu menghormati waktu2 sembahyang dan bulan puasa, tahu akan pergaulan yang halal dan yang haram, dan lain2 lagi yang termasok dalam surohan dan tegahan ugama.

Chara hidup orang Brunei itu antara-nya ia-lah bahawa orang Brunei kuat memegang adat, sopan-santun dan budi bahasa: sekurang2-nya orang Brunei itu tahu menghargai orang tua2, tahu akan adat berjiran dan berkampong, tahu yang mana bisai dan yang mana tidak dalam kaolahan sa-hari2, dan lain2 lagi yang termasok dalam adat istiadat kita yang mana tujuan-nya ia-lah untok memelihara ketenteraman dan kesempurnaan masharakat yang di-ikat oleh perasaan sapakat dan muafakat yang di jalini oleh tutor kata dan keolahan yang nyaman dipandang mata.

Kita merasa shukor bahawa anak2 dan chuchu-chichit kita pada masa ini maseh faham akan perkara2 itu, tetapi harus-lah juga kita berhati2, kerana berbagai2 pengaroh sedang datang berduyun2 dan bertimbun2 di-sekeliling anak2 dan pechuchuan itu. Di-sini patut-lah kita insaf bahawa pelajaran rasmi di-sekolah2 dan didekan serta asohan rumahtangga tidak boleh di-pisahkan kalau kita benar2 mahu perkembangan dan kemajuan negeri kita ini betul2 berchorak orang Brunei. Kita tidak patut mengharapkan supaya Kerajaan sahaja yang mengawal perkara ini, kerana sebenar-nya orang-ramai adalah perlu sama2 terlibat dan memikul tanggong-jawab di-bidang pelajaran dan asohan itu.

Satu perkara lagi yang harus kita fikirkan dengan sunggoh2 mengenai bidang pelajaran ini ia-lah hasrat suchi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok mengadakan pengajian tinggi di-negeri ini. Dalam hal tersebut orang-ramai juga ada-lah terlibat dan mempunyai tanggong-jawab. Tanggong-jawab itu antara-nya ia-lah bagaimana kita hendak menentukan pelajaran anak2 dan chuchu-chichit kita terus maju sampai kapada pengajian tinggi itu, dan tidaklah hanya terbengkalai sakerat jalan.

Masaalah sa-tengah2 penuntut yang tidak penoh kedatangan ka-sekolah, yakni kadang2 tidak sampai lapan puloh lima peratus, dan masaalah sa-bahagian penuntut yang terpaksa meninggalkan sekolah atau di-berhentikan kerana tidak maju sa-takat Tingkatan Tiga dan Tingkatan Enam atau lain2 tingkatan, dan juga sebab2 lain yang boleh memundorkan pelajaran penuntut2 ada-lah antara perkara2 yang menjadi tanggong-jawab semua orang termasok orang-ramai dan penuntut2 sendiri, bahkan juga hal2 saperti ini tidak kita teliti dari sekarang, maka di-khuatiri kita akan rapan2 untok melihat kesempurnaan pelajaran anak chuchu-chichit kita sampai keperengkat pengajian tinggi itu, dan dalam jangka panjang boleh merugikan bangsa Brunei dalam mengusahakan perkembangan dan kemajuan negeri kita ini.

## Majlis penutup

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus ulang kaji pelajaran dan Quran sa-lama 17 hari bagi guru2 ugama akan berakhir dengan satu majlis penutop pada 30hb Nobember ini.

Majlis tersebut akan di-lakukan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Seruddin bertempat di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong jam 7.00 malam.

Kursus yang bermula pada 8hb Nobember yang lalu itu, telah di-hadhiri oleh 84 orang guru ugama — 24 orang guru dari Maktab Perguruan Ugama dan Sekolah Menengah Arab yang menjalani kursus ulang kaji pelajaran dan 60 orang yang lain-nya ia-lah guru2 ugama dari sekolah ugama di-seluroh negeri yang menjalani kursus ulang kaji Al-Quran.








DUA orang gadis telah memelok ugama Islam dalam dua majlis pengIslaman yang berasingan awal bulan ini.

Majlis pengIslaman bagi Dayang Goh Seng, sa-orang bangsa China telah di-laksanakan di-rumah Awang Haji Umar bin Burut, Kampong Anggerek Desa Berakas pada 13hb Nobember yang lalu.

Dayang Goh di-kenali dengan nama Islam-nya sa-bagai Dayang Norah binte Abdullah (gambar paling atas).

Manakala majlis pengIslaman bagi Dayang Elin Anak Mabong, sa-orang bangsa Dusun telah di-jalankan di-rumah Awang Abdul Rahman bin Ismail, Kampong Jaya Bakti Berakas pada 14hb Nobember yang lalu.

Dayang Elin (gambar atas) memileh nama Islam-nya sa-bagai Dayang Haslina binte Abdullah.

Majlis2 pengIslaman itu telah di-laksanakan oleh Pehin Orang Kaya Indera Laila Dato Awg Haji Ismail bin Mat Serudin. —Gambar2 JHEU.

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24hb Nobember, 1976 hingga ka-hari Selasa 30hb Nobember, 1976 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 24hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 25hb Nob | 12.12 | 3.31 | 6.09 | 7.24 | 4.38 | 4.53 | 6.10 |
| 26hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 27hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 28hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 29hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |
| 30hb Nob | 12.13 | 3.32 | 6.10 | 7.25 | 4.39 | 4.54 | 6.12 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei dimulai pada pukol 12.45 tengah hari.



# *Pulang berchuti*

BERAKAS.—Kira2 50 orang penuntut yang belajar di-Singapura telah pulang ka-tanah ayer pada hari Isnin minggu lalu untok berchuti sa-telah menamatkan persekolahan penggal ketiga mereka di-Republik itu.

Kepulangan mereka telah di-sambut oleh keluarga dan sanak saudara dengan penoh keriangan sa-telah lama berpisah. Mereka akan menghabiskan perchutian sa-lama enam minggu di-negeri ini dan di-jadualkan meneruskan pengajian semula pada awal tahun depan.

Di-antara yang pulang berchuti ia-lah 26 orang penuntut2 Sekolah Ugama Madrasah Al-Juned, Singapura.

Kelihatan dalam gambar di-atas kiri penuntut2 itu sedang turun dari kapal terbang ketika ketibaan mereka di-Lapangan Terbang Antarabangsa di-sini.

# PEPEREKSAAN SIJIL P'DAGANGAN T.M.I. (S)




BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 1,081 orang chalun akan mendudoki Pepereksaan Sijil Perdagangan; Trengkas, Menaip, Steno dan Simpan-Kira2 dalam tiga perengkat —permulaan, menengah dan tertinggi di-dua aliran Melayu dan Inggeris sa-lama tiga hari ia-itu 12hb., 17hb. dan 19hb. Disember 1976 depan.

971 orang chalun akan mendudoki pepereksaan dalam aliran Melayu dan 110 orang chalun dalam aliran Inggeris. Semua pepereksaan akan di-jalankan di-delapan buah pusat.

Demikian di-beritahu kapada Pelita Brunei oleh Pegawai Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran minggu ini.

Pepereksaan tersebut di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institiut Singapura dengan kerjasama Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran Brunei.



Pelajar2 dewasa wanita ada-lah yang kebanyakkan-nya gemar mengikuti kelas menaip, trengkas dan steno di-negeri ini. Gambar di-atas memperlihatkan sa-bahagian dari pelajar wanita sedang tekun belajar menaip dalam saat2 menghadapi pepereksaan.

Sa-ramai 862 orang chalun akan mengambil pepereksaan Menaip antara-nya 415 chalun perengkat permulaan, 208 perengkat menengah dan 167 perengkat tertinggi bagi aliran Melayu sementara bagi aliran Inggeris, 40 chalun akan mendudoki pepereksaan perengkat permulaan, 31 perengkat menengah dan sa-orang perengkat tertinggi.

Bagi pepereksaan Simpan-Kira2 dalam aliran Inggeris 30 chalun mengambil perengkat permulaan, 4 perengkat menengah dan 4 perengkat tertinggi dan sa-orang saja chalun mengambil perengkat menengah dalam aliran Melayu.

Sementara itu 58 chalun akan mendudoki perengkat permulaan, 27 perengkat menengah dan 31 perengkat tertinggi dalam pepereksaan Trengkas yang semua-nya chalun2 aliran Melayu saja.

Dalam pepereksaan Ujian Menaip Pantas hanya sa-orang mengambil perengkat menengah dan 15 orang perengkat tertinggi aliran Melayu di-samping 7 orang perengkat bawah dan 4 orang perengkat atas pula akan mendudoki pepereksaan Steno Melayu.

Pusat2 pepereksaan yang telah di-tetapkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa bagi pepereksaan tersebut ada-lah saperti berikut:

Di-Sekolah Menengah Melayu SMJA, Sekolah Melayu Pusar Ulak, dan Maktab SOAS bagi chalun2 Daerah Brunei dan Muara.

Di-Sekolah Melayu Muda Hashim untok chalun2 di-Tutong, dan Sekolah Melayu Mohamad Alam, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin serta Maktab Anthony Abell bagi chalun2 Daerah Belait.

# J-kuasa sekolah

BANGAR.—Satu mashuarat untok membentok Jawatankuasa Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Bangar, Temburong telah di-adakan baru2 ini.

Mashuarat itu telah melantek enam orang jawatankuasa dan 12 orang ahli jawatankuasa.

Demikian di-nyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini oleh Guru Besar sekolah itu Che'gu Hasbollah bin Abdul Samad yang juga di-lantek sa-bagai Pengerusi jawatankuasa tersebut.

Dato Seri Laila Jasa Haji Ishak bin Adam, Kadhi Daerah Temburong ada-lah di-lantek sa-bagai Penasehat kapada jawatankuasa itu.

Jawatan naib Pengerusi di-pegang oleh Pengiran Julaihi bin Pengiran Tajuddin, Penghulu Mukim Pekan Bangar.

Che'gu Zaini bin Hashim dan Awg Md. Jali bin Lamit kedua2-nya di-lantek menjadi Setiausaha dan Penolong Setiausaha.

Sementara jawatan Bendahari di-amanahkan kapada Yang Di-Muliakan Pehin Dato Pekerma Dewa Awang Haji Abdul Rahim bin Akim serta 12 orang ahli jawatankuasa telah juga di-lantek.

# Lebeh 300 terima hadiah Shell

BANDAR SERI BEGAWAN.—Lebeh dari 300 orang murid dan penuntut dari sekolah2 rendah, persediaan, menengah dan maktab (Kerajaan, Misi dan China) seluroh negeri akan menerima hadiah tahunan yang di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei kapada murid2 dan penuntut2 yang terbaik dalam pelajaran-nya sa-panjang tahun ini.

Antara-nya 142 orang murid dari sekolah2 Daerah Brunei dan Muara akan menerima hadiah mereka pada 9hb. Disember, 1976 bertempat di-Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar jam 9.30 pagi.

72 orang murid dari sekolah2 Daerah Tutong juga akan menerima hadiah tersebut pada 13hb. Disember, 1976 bertempat di-Sekolah Melayu Danau jam 9.00 pagi.

Pada 15hb. Disember, 1976 pula hadiah2 kapada murid2 terbaik akan di-berikan kapada murid2 sekolah2 Daerah Belait sa-ramai 56 orang bertempat di-Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait jam 9.30 pagi.

Sementara penyampaian yang sama juga akan di-adakan bertempat di-Dewan Ria, Pekan Bangar pada 20hb. Disember, 1976 jam 9.00 pagi untok murid2 terbaik di-seluroh sekolah2 Daerah Temburong.

Di-samping itu Sharikat Minyak Shell juga akan memberikan hadiah tersebut kapada kira2 50 orang penuntut dari sekolah2 menengah dan maktab2 seluroh negeri yang akan di-langsongkan penyampaian-nya pada 22hb. Disember, 1976, jam 9.30 bertempat di-bangunan S.R.C. Seria.



Pepereksaan2 bersijil perengkat menengah telah dan sedang berlangsong di-negeri kita pada masa ini. Betapa hati2-nya penuntut2 ini membacha dan menjawab soalan pepereksaan yang sedang di-hadapi, mereka ada-lah penuntut2 Sekolah Menengah Melayu SMJA yang mendudoki pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah Brunei yang lalu. Pepereksaan S.P.S. dan Brunei Cambridge serta Sijil Tinggi Persekolahan maseh berlangsong pada masa ini.

# Malam Penutop

LABU ESTATE.—Persembahan Malam Aneka Warna bagi penutup persekolahan Sekolah Melayu Labu Estate akan di-adakan di-sini pada 18hb. Disember, 1976 akan datang mulai jam 7.30 malam bertempat di-dewan sekolah tersebut.

Berbagai2 chara akan di-adakan termasok peraduan nyanyian bagi murid2 sekolah dan pakaian beragam bagi orang2 dewasa.

Semua peserta2 yang ingin memasoki persembahan pada malam itu ada-lah di-kehendaki berhubong dengan Setia Usaha sambutan Awang Masri bin Haji Akip di-sekolah itu tidak lewat pada 15hb. Disember.

Sementara itu terdapat kesilapan chetak dalam Pelita Brunei, 10hb. Nobember lalu di-mana Malam Penutop Persekolahan bagi Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut, Brunei II sa-betulnya akan di-adakan pada 16hb. dan 17hb. Disember, 1976 bukan 16hb. dan 17hb. Nobember, 1976 saperti yang di-siarkan.

# BENTOK BANTUAN AKAN DI-UBAH

BANDAR SERI BEGAWAN. Jabatan Pertanian Brunei yang pada masa ini sedang menjalankan Ranchangan Bantuan Dawai Berduri kapada penternak2 kerbau dan lembu di-seluroh negeri akan menamatkan tempoh bantuan-nya pada 30hb Nobember depan.

Demikian di-nyatakan oleh juruchakap jabatan tersebut kapada Pelita Brunei minggu ini.

Ia-nya akan di-gantikan dengan Ranchangan Bantuan "bentok baru" yang akan bermula pada awal tahun depan. Butir2 bantuan bentok baru itu belum lagi di-nyatakan, tetapi ada-lah di-fahamkan bahawa ranchangan baru itu akan mengkehendaki sharat2 yang berlainan dari sharat2 yang sudah di-berikan dan ia-nya maseh dalam perundingan.

Menurut juruchakap itu lagi jabatan tersebut juga telah memberikan bantuan kapada lebeh 1,000 orang pemohon berbanding dengan peruntokan dawai berduri yang hanya berjumlah 800 golong pada tahun ini.

Ada-lah juga di-harapkan oleh jabatan tersebut bahawa bantuan bentok baru yang akan di-jalankan pada tahun depan itu ada-lah baik di-buat permohonan sa-chara beramai2 dan tidak lagi permohonan sa-chara perseorangan saperti yang sudah2 di-berikan.

Ini kata-nya lagi ia-lah untok menjimatkan dan menchukopkan jumlah pemberian bantuan sesuai dengan jumlah peruntokan yang di-sediakan oleh jabatan tersebut tiap2 tahun.

Berikut dengan perubahan Ranchangan Bantuan Dawai Berduri ini pada tahun hadapan, maka semua permohonan2 biasa yang di-buat oleh penternak2 kerbau dan lembu sa-lepas 30hb Nobember ini tidak akan di-layan dan permohonan2 baru hendak-lah di-buat untok menggantikan-nya.

## Lawatan muhibbah

BANDAR SERI BEGAWAN.— Satu rombongan sa-ramai 45 orang ahli Persatuan Belia Kota Batu, PERKOTA akan melakukan lawatan muhibbah ka-Labuan bulan depan. Rombongan yang di-ketuai oleh Awang Mat Salleh bin Haji Laidin itu akan berada di-sana sa-lama tiga hari.

Jabatan Laut dan Brown and Roots, Sharikat Minyak Shell Labuan akan menjadi tuan rumah sa-masa mereka berada di-sana. Mereka akan mengadakan beberapa perlawanan persahabatan.



Ketua Pegawai Pelajaran Ugama, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar ketika menyerahkan bantuan Jabatan Hal Ehwal Ugama kapada Penghulu Mukim Kilanas, Datu Derma Wijaya Awang Haji Tamit bin Aspar untok pembenaan sekolah ugama sementara di-Kampong Kilanas pada hari Ahad minggu lalu.

## Chalon2 utk. Ketua Kampong

BANDAR SERI BEGAWAN. —Dua upachara penamaan chalon bagi jawatan Ketua Kampong di-dua kawasan dalam Daerah Brunei dan Muara telah di-langsongkan pada hari Jumaat minggu lepas.

Awang Haji Masir bin Tarif, Awang Haji Suhaimi bin Haji Ismail dan Awang Haji Abdul Rahman bin Mansor telah di-namakan sabagai chalon2 tersebut untok Ketua Kampong bagi Kampong2 Madang, Sungai Tilong, Manggis dan Sungai Akar, penamaan chalon telah berlangsong di-Sekolah Melayu Delima Satu Berakas.

Di-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas empat orang telah juga dinamakan untok chalon Ketua Kampong Kilanas dan Jangsak.

Awang Jais bin Haji Karim, Awang Jumaat bin Panjang, Awang Haji Bungsu bin Haji Ahad dan Awang Haji Mohd. Yusof bin Metamit ada-lah nama2 chalon yang akan di-hadapkan kapada Setia Usaha Kerajaan.

Penamaan chalon di-tempat2 tersebut telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu pengundian sulit bagi chalon Ketua Kampong Tanjong Maya, Tutong akan di-adakan di-Balai Raya Kampong Tanjong Maya pada 26hb Nobember mulai jam 9.00 pagi.

Pendudok2 dari Kampong Sebakit, Penulod. Bangunggos, Sepakon dan Meranti yang berumor 21 tahun ka-atas ada-lah di-minta hadhir pada tarikh dan tempat yang di-tetapkan dengan membawa bersama Kad Pengenalan mereka masing2.

## MEMUCHANG2 BENA BANGUNAN SEKOLAH UGAMA

KILANAS.— Kira2 50 orang pendudok Mukim Kilanas telah berhimpun dalam menjalankan kerja memuchang2 membersehkan kawasan dan membena sa-buah sekolah ugama sementara berhadapan dengan Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti di-sini pagi Ahad minggu lalu.

Kerja memuchang2 itu di-ketuai oleh Penghulu mukim tersebut Datu Derma Wijaya Awang Haji Tamit bin Aspar.

Sekolah ugama sementara itu di-bena di-atas tanah kepunyaan Awang Mohamad Jamil bin Orang Kaya Setia Bakti Haji Mohamad Daud dengan belanja kira2 empat belas ribu ringgit yang di-perolehi dari sumbangan orang2 kampong dan bantuan Kerajaan.

Ia-nya di-jangka siap pada tahun depan bagi menempatkan murid2 yang belajar ugama di-Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti dalam enam bilek darjah di-bangunan baru itu nanti.

Turut hadhir dalam kerja memuchang2 itu ia-lah Ketua Pegawai Pelajaran Ugama Awang Haji Abdul Saman bin Kahar, Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah dan Nazir Sekolah Ugama Daerah Brunei dan Muara Awang Haji Zarkasi bin Haji Mohamed Yusof.

Mereka juga telah menyampaikan bantuan kayu dan zing dari Kerajaan yang bernilai kira2 enam ribu ringgit kapada Penghulu Mukim tersebut.

## *Beberapa kejadian kebakaran berlaku*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa kejadian kebakaran telah berlaku di-empat daerah sa-panjang minggu pertama bulan ini yang mengakibatkan kerugian harta benda dan hanya satu kechederaan di-alami.

Di-Kampong Sumbiling Lama di-sini sa-buah rumah telah musnah pada waktu malam yang di-perchayai berpuncha dari sa-buah lampu minyak, bagaimana pun kebakaran tidak merebak kalain2 rumah.

Sementara di-Daerah Belait sa-buah bangunan dua tingkat dan sa-buah rumah berhampiran juga turut musnah dijilat api di-mana kebakaran kechil dari salah sa-buah bilek dalam bangunan tersebut di-perchayai sabagai puncha kebakaran itu. Semua penghuni di-tempat2 kebakaran itu telah dapat menyelamatkan diri mereka.

Lagi sa-buah rumah di-Kampong Birau Daerah Tutong kepunyaan satu keluarga China dengan empat orang anak mereka telah kehilangan tempat tinggal apabila api membakar musnah rumah mereka.

Satu keluarga Iban juga turut mengalami nasib yang sama dalam satu kebakaran rumah di-Kampong Selangan Daerah Temburong.

Awang Awi anak Tinggi bersama isteri dan tiga orang anak2-nya telah kehilangan rumah tangga apabila api memusnahkan rumah mereka, isteri Awang Awi telah chedera akibat kebakaran itu sa-telah choba menyelamatkan sa-bahagian barang2 keluarga-nya.

Pasokan2 bomba yang berusaha memadamkan semua kebakaran2 tersebut telah berjaya mengawal api kebakaran dari merebak kalain2 rumah.

Terdahulu dari itu saorang pegawai Bomba dari Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Jabatan Penerbangan Awam telah berlepas ka-United Kingdom untok menghadhiri satu kursus sa-lama lima bulan.

Awang bin Abdul Rahman akan di-tempatkan di-Pehak Berkuasa Penerbangan Awam London.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 24hb Nobember, 1976.





Soldiers stand guard over a group of captured 'terrorists'.

# Buffaloes for breeding

FOLLOWING the gradual fall in the numbers of local herd, the government is importing some two hundred young buffaloes from Australia as the basis for a nucleus breeding stock at the cost of about B$100,000.00.

This will increase the production of buffaloes for meat thus avoiding the possibility of a meat shortage in the State in the future.

The first batch of ninety-three female stock arrived by air late last month and the rest, including some bulls, are expected to arrive soon.

To provide grazing for the herd, about three hundred acres of blukar and forest are currently being fenced at Luahan.

A spokesman of the Agricultural Department said the objective of the scheme is primarily to increase production of meat type of buffaloes in the country.

It is essentially a long term process as first calves are not expected till 1978.

The initial programme will include the establishment of the herd at Luahan and the collection of practical management and production data to assist in the development of further commercial farm units.

The department hopes to import additional breeding stock from South East Asia sources during 1977 and when mature stock are ready will commence issue to local farmers to build commercial herds.



The first batch of female stock grazing at Luahan.

# EXERCISE ENDS

THE tough ten-day internal security exercise involving 500 soldiers of the Royal Brunei Malay Regiment's First Battalion ended on Wednesday last week with a big mopping up operation of subversive elements in the jungles of Temburong District.

The exercise, codenamed Tingkatan Pertama, was under the command of Lieutenant Colonel Andrew Duncan. The enemy was played by soldiers from battalion's 'C' Company.

It was centred around Bangar Town with troops supported by armoured cars, searching and flushing out all suspected terrorists. Mine detectors were used to scour the area around the town.

Helicopters from the air wing, and river patrol craft from the first flotilla also took part in the exercise.

## Old stamps withdrawn

THE public is hereby informed that the old Brunei definitive postage stamps of the 1c, 2c, 3c, 4c, 5c, 6c, 8c 10c, 15, 25c, 50c, $1, $2 and $5 denominations issued since 1952 had been withdrawn from sale in all Post Offices of the State with effect from 15th. November, 1976.

The same old issue of postage stamps will no longer be valid for postage and revenue purposes (demonetized) with effect from 1st. December, 1976.



# RANCHANGAN tv BRUNEI MINGGU INI

TV BRUNEI reserves the right to alter programme as necessary. Finalised telecast details will appear in our daily programme summaries.

**WENDESDAY 24 NOVEMBER**

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Lost In Space — "Visit to a Hostile |
| 6.09 pm | Azan |
| 6.13 pm | Lost In Space — Planet" cont'd |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | The Sweeney |
| 8.00 pm | Hogan's Heroes — "Happy Birthday, Adolf" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Dunia Minggu Ini |
| 9.15 pm | The Survivors — Ep. 12 "Something of Value" |
| 10.05 pm | Show Of The Week : Helen Reddy Midnight Special" |
| 11.20 pm | Close Down. |

**THURSDAY 25 NOVEMBER**

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Voyage To The Bottom Of The Sea — "The Haunted Submarine" |
| 6.09 pm | Azan |
| 6.13 pm | Voyage To The Bottom Of The Sea — cont'd |
| 7.00 pm | English News |
| 7.15 pm | "The Magician" Ep. 4. |
| 8.00 pm | Wide World of Sports |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Hidayat |
| 9.15 pm | The Protectors — "The Last Frontier" |
| 9.45 pm | The Virginian — "Ride to Misadventure" |
| 11.00 pm | Close Down. |

**FRIDAY 26 NOVEMBER**

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Murai |
| 6.10 pm | Azan |
| 6.14 pm | Murai — cont'd |
| 6.32 pm | Milton The Monster "Fearless Fly Meets the Monster" |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Documentary : World About US — "The Golden State" |
| 8.00 pm | Police Surgeon — "North Light" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | The Benny Hill Show |
| 9.30 pm | Mystery Movie : Madigan—"Naples Beat" |
| 11.00 pm | Close. Down. |

**SATURDAY 27 NOVEMBER**

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Sesame Street |
| 6.10 pm | Azan |
| 6.14 pm | Sesame Street—con't |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Cannon — "Tomorrow Ends At Noon" |
| 8.00 pm | Dick Emery Show — |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Suami Isteri |
| 9.35 pm | Star Soccer |
| 10.25 pm | Saturday Movie : "Tomb At Ligeia" |
| 11.50 pm | Close Down. |

**SUNDAY 28 NOVEMBER**

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Vision On |
| 6.10 pm | Azan |
| 6.14 pm | Vision On — cont'd |
| 6.32 pm | Dr Who — "The Three Doctors" Ep. 3. |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Matt Helm — "Prognosis : Murder" |
| 8.00 pm | The French Way — Ep. 5. "Disastre, Catastrophe, Cataclysme, "Apocalypse" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Temasha Irama |
| 9.15 pm | Armchair Theatre — "Man Charged" |
| 10.08 pm | The Bobby Goldsboro Show |
| 10.40 pm | Close Down. |

**MONDAY 29 NOVEMBER**

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Swiss Family Robinson — Ep. 12 "Ernie's Christmas" |
| 6.10 pm | Azan |
| 6.14 pm | Swiss Family Robinson — cont'd. |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Cash and Company Ep. 5. "Dolly Mop" |
| 8.00 pm | I Dream of Jeannie "Greatest Entertainer" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Majlis Perbinchangan |
| 9.15 pm | Hawaii Five O — "Odd Man In" |
| 10.05 pm | Thriller |
| 11.20 pm | Close Down. |

**TUESDAY 30 NOVEMBER**

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Sesame Street |
| 6.10 pm | Azan |
| 6.14 pm | Sesame Street—con't cont'd |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Mission Impossible — "Speed" |
| 8.00 pm | The Monkees — "Card Carring Red Shows" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Selayang Pandang |
| 9.15 pm | Kojak "My Brother, My Enemy" |
| 10.05 pm | Emergency — "Promise" |
| 11.00 pm. | Close Down. |



Series star Kevin Tighe appears in another episode of MCA Television's Emergency on Tuesday at 10.05 p.m.

# Religious school

A temporary religious school built by the people of Mukim Kilanas with government aid is nearing completion and will be ready for use early next year.

Work on the construction of the school started in April this year at a cost of about fourteen thousand dollars.

The government aid consisted of building materials such as planks and zinc sheets worth about six thousand dollars. The rest of the expense was put up by the villagers themselves.

When completed the school (left) will have six classrooms and will be used by the mukim's religious students who are presently studying at the nearby Malay School.

## Bicycle race

THE Brunei State Youth Council is organising the annual 67-mile Kuala Belait to Bandar Seri Begawan bicycle race to commemorate His Highness the Sultan's coronation.

If all goes according to plan the race, which will start at Kuala Belait and finish at the Youth Centre in Bandar Seri Begawan, will be held on December 31st.

It will be divided into two section — individual and team. Each team will comprise five cyclists.

Local cyclists who are interested in taking part in the race should contact the Chairman of the Organising Committee Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu at the Youth Centre for further details.

They are advised to take special care and abide by the Traffic Laws when having they training on the road.

Cyclists from Sabah and Sarawak will be invited to participate in the race.

# JOHAN CHATOR KEBANGSAAN TERBUKA DAN BERPASOKAN

PUSAT BELIA. — Awang Anthony Chin telah munchol sa-bagai Johan Chator Kebangsaan Terbuka bagi tahun 1976 dan telah berjaya menggundol Piala Rebutan Duli Yang Maha Mulia. Tahun 1975 yang lalu Kejohan Chator Kebangsaan Terbuka ini telah di-sandang oleh Awang Mohammad bin Haji Wasli.

Sementara perlawanan khas chator berpasokan, Piala Rebutan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah telah di-menangi oleh pasokan Kampong Sungai Kedayan. Sa-banyak lapan pasokan telah mengambil bahagian termasok pasokan Cheteria2 dan Pehin2.

Perlawanan chator wanita perseorangan telah juga di-adakan. Dayang Lim Guad Lee telah munchol sa-bagai pemenang wanita.

Upachara penyampaian hadiah2 serta Piala2 Rebutan telah di-lakukan oleh YAM Pengiran Perdana Cheteria Sahibul Nabalah Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metusin, di-akhir perlawanan.

Sa-belum itu, YAM Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusoff bin Pengiran Mohd. Limbang, Yang Dipertua Persatuan Chator Brunei, telah menyampaikan sabda uchapan-nya di-majlis tersebut.

Kejohanan Chator Kebangsaan Terbuka serta Berpasokan ini di-anjorkan oleh Persatuan Chator Brunei, sa-bagai salah satu achara menyambut hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-30.



Sa-bahagian dari pemandangan dalam perlawanan chator achara berpasokan dan kejohanan kebangsaan terbuka. Di-sebelah kiri kelihatan YAM Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusoff bin Pengiran Mohd. Limbang, Yang Dipertua Persatuan Chator Brunei.

# ROMBONGAN BELIA2 BRUNEI AKAN KA-FILIPINA

**LAWATAN SAMBIL BELAJAR**

BANDAR SERI BEGAWAN. —Majlis Belia2 Negeri Brunei akan membawa sa-rombongan belia2 ka-Filipina untok lawatan sambil belajar sa-lama empat hari dalam bulan depan.

Belia2 Brunei yang ingin turut serta boleh-lah menghantar nama2 mereka dengan wang tunai sa-banyak seratus ringgit sa-bagai wang pendahuluan.

Tambang sa-banyak empat ratus lima puloh ringgit sa-orang bagi lawatan sa-lama empat hari itu termasok bayaran bagi tambang, tempat tinggal, makan dan minum dan pengangkutan.

Permohonan tersebut hendak-lah di-kemukakan kapada Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid atau Awang Abu Bakar bin Haji Abdul Latif di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, mulai dari sekarang.

Lawatan sambil belajar itu di-uruskan oleh Jabatan Pelanchongan Filipina Bahagian Belia2.

belia dan sokan

**KAN-HAL KITANI . . .**

**Dulu badminton dan chator kitani ka-Manila, sekarang MBB hendak ka-sana dengan kaum kerabat-nya sambil belajar. Bila pula pemain badminton, chator dan belia2 di-sana di-undang ka-mari?**

# Wakil MBB hadhiri seminar di-Jepun



BERAKAS. — Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd Safar telah berlepas ka-Jepun pada hari Khamis lalu untok menghadhiri seminar belia2 di-sana.

Beliau yang menjadi Setia Usaha Majlis Belia2 Brunei (MBB) bagi Daerah Tutong telah di-pileh sa-bagai wakil ka-seminar tersebut atas undangan Majlis Belia Kebangsaan Jepun yang menganjorkan seminar itu.

Pemberita kita di-fahamkan bahawa seminar itu akan berlangsong di-Tokyo dengan thema "Peranan Belia Dalam Pembangunan Asia" dengan kerjasama Majlis Belia Sa-Dunia.

Ia-nya akan di-hadhiri oleh pemimpin2 belia dari tidak kurang 13 buah negara yang keselurohan-nya dari rantau Asia. Seminar itu berlangsong sa-lama dua minggu mulai hari Sabtu lepas dan akan berakhir 26hb Nobember depan.

Perwakilan2 yang menghadhiri seminar itu akan berpeluang melawat ka-pusat2 industeri di-Jepun yang menjadi sa-bagai salah satu atorchara seminar tersebut.

Satu perbinchangan atas tajok "Kesan perindusterian kapada negara2 industeri terutama perindusterian di-Jepun" di-jangka akan menarek perhatian di-kalangan perwakilan terutama-nya dari negara2 perindusterian.

# LATEHAN TENIS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu ranchangan latehan tenis bagi pelajar2 sekolah menengah akan di-mulakan dalam bulan Januari, 1977 akan datang.

Pelita Brunei di-fahamkan, pada mula2-nya sekim latehan itu akan di-hadkan kapada sekolah2 di-kawasan Bandar Seri Begawan. Masa latehan ia-lah tiap2 hari Juma'at dan Ahad (di-sebelah pagi).

Ranchangan latehan tenis itu ada-lah anjoran bersama Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan, Jabatan Pelajaran dan Kelab Tenis Brunei.

# 4 PANDUAN

UNDANG2 PERTAMA



BERIKUT ini ia-lah ukoran dan garisan2 padang bolasepak menurut keputusan Lembaga Antarabangsa:—

1. Ukoran2 padang permainan bolasepak di-dalam pertandingan Antarabangsa ada-lah tidak lebeh dari 110 meter x 75 meter, dan tidak kurang dari 100 meter x 60 meter.

2. Persatuan2 Kebangsaan hendak-lah mematohi dengan betul ukoran2 ini. Tiap2 Persatuan Kebangsaan yang menguruskan suatu perlawanan Antarabangsa hendak-lah menasehatkan persatuan itu melawat sebelum perlawanan, tempat dan ukoran2 padang permainan.

3. Garisan2 gol akan di-tanda sama besar atau tebal tiang2 gol dan palang gol supaya garisan2 gol dan tiang2 gol serupa ukoran-nya.

4. Ukoran2 6 ela (untok kawasan gol) dan 18 ela (untok kawasan penalti) yang di-ukor sepanjang gol hendak-lah di-mulakan dari bahagian sebelah dalam tiang2 gol.

5. Kawasan padang permainan termasok garisan2 yang menandai-nya.

6. Semua persatuan2 akan melengkapkan alatan yang sa-taraf khas-nya di-dalam perlawanan2 antarabangsa, di-mana undang2 permainan itu mesti di-patohi di-dalam tiap2 perkara, terutama-nya tentang ukoran bola dan lain2 alatan mesti-lah mengikut undang2. Kegagalan melengkapan alatan yang sa-taraf hendak-lah di-laporkan kapada F.I.F.A.

7. Jika palang gol jatoh atau patah di-dalam suatu perlawanan yang di-jalankan di-bawah peratoran bagi satu2 pertandingan, maka permainan itu akan di-berhentikan dan perlawanan itu di-batalkan; melainkan palang gol itu di-perbaiki atau palang gol baru di-sediakan dengan tidak mendatangkan bahaya kapada pemain2. Sa-utas tali tidak di-anggap sa-bagai satu penggantian yang sesuai untok palang gol.

**Dengan persetujuan kedua2 pasokan di-dalam suatu perlawanan persahabatan, permainan boleh di-teruskan lagi dengan tidak palang gol asalkan palang gol itu telah di-keluarkan dan tidak lagi membahayakan kapada pemain2. Di-dalam keadaan sa-macham ini sa-utas tali boleh di-gunakan sa-bagai pengganti palang gol. Jika sa-utas tali tidak di-gunakan dan bola itu melintasi garisan pada suatu tanda yang mana pada pendapat pengadil di-bawah palang gol yang sepatut-nya berada, maka ia akan memberikan satu gol.**

**Permainan itu akan di-mulakan sa-mula oleh pengadil dengan menjatohkan bola di-tempat mana bola itu berada apabila permainan di-batalkan.**

**Satu pemandangan yang menarek, ketika pemain bolasepak ini memperlihatkan suatu teknik bermain yang paling sesuai. Kalau nak tahu sa-chara dekat, tanya-lah kapada mereka itu sendiri.**



# RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## BAHAGIAN MELAYU

### RABU

PAGI: 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarapan; 7.30 — Salam dari ku (SU); 8.00 — Dendang antarabangsa; 9.00 — Sains dan perusahaan (SU); 9.30—Dendang muda mudi; 10.00 — Warta Berita; 10.10—Selingan irama; 10.30—Permintaan Pagi Rabu; 11.00 — Lagu untok mu (SU); 11.30—Lagu2 Hindustan; 11.45—Untok kaum tani (SU); TENGAH HARI: 12.15 — Hiboran tengah hari; 12.45 —.Warta Berita; 1.00 — Pelajar di-bumi bertuah (SU); 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran berhenti rehat. PETANG: Bisekan sukma; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Quran (SU); 6.15 — Irama senja; 6.35 — Suara Azan untok Magrib dan bachaan ayat2 suchi Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Permintaan perajurit; 7.30 — Mutiara Hikmat; 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia Zaman Ini; 9.00 — Asli Irama; 9.30 — Senandong Irama; 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### KHAMIS

PAGI: 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarapan; 7.45 — Persembahan Anika Instrumental; 8.00 Dendang Antarabangsa; 9.00 — Mutiara Hikmat (SU); 9.30 — Hiboran Rampaian; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Dendang Ria; 10.30—Rampaian London; 11.00—Berdendang dengan ku; 11.30 — Autograph pendengar (SU). TENGAH HARI: 12.00 — Rampaian Pop; 12.15—Belia Zaman Ini (SU); 12.25—Suara Azan nutok Dzohor; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Dongeng Purba; 1.30 — Komintar Minggu Ini (SU); 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. PETANG: 5.02 — Lagu ku pinta; 5.30 —Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Rampaian di-senja; 6.30 — Suara Azan untok Magrib dan bachaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Salam dari ku; 7.30 — Hidayat; 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Hiboran Rampaian; 9.00 — Sandiwara Radio (SU); 9.30—Persembahan Minggu Ini (SU); 10.00—Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10—Senanjong Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Siaran di-tamatkan.

### JUMAAT

PAGI: 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh Dendang Suria; 8.00 — Salam dari ku (SU); 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Permintaan dari Pancharagam; 9.30 — Tafsir Al-Quran; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Apa Pendapta Awda; 10.30 — Hidayat (SU); 11.00 — Taukan Awda? 11.30 — Hiboran Irama Gambus TENGAH HARI: 12.00 — Kursus Al-Quran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat dari Masjid Omar Ali Saifuddin (siaran langsong). PETANG: 1.15 — Irama Padang Pasir; 1.30 — Warta Berita; 1.45 — Irama selingan; 2.02 — Taman Mekar; 2.30 — Bakat Minggu Ini (15); 3.00 — Warta Berita; 3.10 — Dalam simpanan kami (SU); 3.45 — Suara Azan untok Asar; 3.48 — Dari kampong ka-kampong; 4.15 — Peraduan berbalas pantun bagi sekolah2; 4.45 — Senandong irama; 4.58 — Susunan ranchangan di-bachakan lagi; 5.00 — Permintaan jiran Tetangga; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Lagu2 padang pasir; 6.35 — Suara Azan untok Magrib dan bachaan ayta2 suchi Al-Quran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Hiboran rampaian; 7.47 — Suara Azan untok Isa; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Persembahan Pancharagam; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Irama Malam; 10.00 — Rengkasan Berita, dikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SABTU

PAGI: 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarapan; 7.30 — Apa pendapat awda (SU); 7.45 — Persembahan Instrumental; 8.00 — Apa Pilehan Awda (SU); 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.00 — Persembahan Minggu Ini; 9.30 — Majalah Commonwealth; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Irama Pilehan; 10.30 — Permintaan Pagi Sabtu; 11.00 — Pentas radio (SU); 11.30 — Ragam Irama; TENGAH HARI: 12.00 — Peristewa dunia minggu ini; 12.25 — Suara Azan untok Dzohor; 12.30 — Suntingan Asli; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Taukah Awda (SU); 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. PETANG: 5.02 — Hiboran Pilehan; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Senanlong lagu2 lama; 6.15 — Lagu2 padang pasir; 6.33 —



Peserta yang mendapat giliran untok memileh lagu2 dalam ruangan hiboran "Apa Pilehan Awda" pada minggu ini ia-lah Dayang Zainab binte Haji Duraman, Barek Hospital, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Lagu2 pilehan Dayang Zainab akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Isnin, 29hb Nobember, 1976 jam 5.03 petang.

— Suara Azan untok Magrib, di-ikuti oleh bachaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Gurindam jiwa; 7.30 —Bakat Minggu Ini (SU); 7.45 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dongeng Purba (SU); 9.00 — Mari berpantun sambil bersenda (SU); 9.30 — Senandong Brunei asli; 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### AHAD

PAGI: 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh Dendang Suria; 7.30 — Autograph pendengar; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Mari berpantun sambil bersenda; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Surat dari London; 10.30 — Arena wanita; 11.00 — Permintaan antarabangsa. TENGAH HARI: 12.00 — Sandiwara Radio; 12.25 — Suara Azan untok Dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Persembahan Pancharagam; 1.30 — Review Berita Minggu Ini; 2.00 — Pentas Radio. PETANG: 2.30 — Cheramah Minggu Ini; 3.00 — Warta Berita; 3.15 — Dalam simpanan kami; 3.45 — Suara Azan untok Asar; 4.00 — Cherpen dan salokan-nya (SU); 4.30 — Lagu untok mu; 5.00 — Susunan ranchangan di-bachakan lagi; 5.03 — Sharahan Ugama; 5.15 — Anika Irama; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Irama Di-senja; 6.15 — Persembahan Instrumental; 6.35 — Suara Azan untok Magrib, di-ikuti oleh bachaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Suara perajurit; 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Brunei Darussalam; 9.30 — Dari kampong ka-kampong; 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senanjong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran ditamatkan.

### ISNIN

PAGI: 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarapan; 7.30 — Peristewa dunia minggu ini (SU); 8.00 — Dendang antarabangsa; 9.00 — Suara perajurit (SU); 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Hiboran pilehan; 10.30 — Sains dan perusahaan; 11.00 — Hiboran rampaian; 11.30 — Gurindam Jiwa (SU). TENGAH HARI: 12.00 — Hiboran untok awda; 12.15 — Brunei Darussalam; 12.25 — Suara Azan untok Dzohor; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Keluarga Jaya; 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. PETANG: 5.02 — Apa pilehan awda; 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Senandong lagu2 lama; 6.15 — Hiboran rampaian; 6.35 — Suara Azan untok Magrib, di-ikuti oleh bachaan ayat2 suchi Al-Quran. MALAM: 7.00 — Arena sokan; 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU); 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Komintar minggu ini; 8.45 — Serbanika persembahan; 9.15 — Hidangan pop; 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senanjong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

### SELASA

PAGI: 6.05 — Bachaan Al-Quran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi, Waktu2 Sembahyang; 7.10 — Renongan bersama di-ikuti oleh hiboran sambil sarpan; 7.30 — Sharahan Ugama (SU); 7.45 — Persembahan Instrumental; 8.00 — Arena Wanita (SU); 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.00 — Rampaian London (SU); 9.15 — Hiboran pilehan; 10.00 — Warta Berita; 10.10 — Irama pilehan; 10.30 — Serbanika persembahan (SU); 11.00 — Pusparagam; 11.30 — Majallah Radio (SU). TENGAH HARI: 12.00 — Rampaian tengah hari; 12.15—Cheramah minggu ini (SU); 12.23 — Suara Azan untok Dzohor; 12.45 — Warta Berita; 1.00 — Pelajaran dewasa di-udara (SU); 1.30 — Hiboran menjelang rehat; 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. PETANG: 5.02 — Arena sokan (SU); 5.30 — Warta Berita; 5.45 — Hiboran ramapaian; 6.15—Lagu2 Instrumental; 6.35 — Suara Azan untok Magrib dan bachaan Al-Quran; 6.50 — Bingkisan hari ini. MALAM: 7.00 — Review berita minggu ini (SU); 7.30 — Untok kaum tani; 7.47 — Suara Azan untok Isha; 8.00 — Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Pelajar di-bumi bertuah; 9.00 — Permintaan pasokan Pulis Diraja; 9.30 — Bisekan sukma (SU); 10.00 — Rengkasan Berita, di-ikuti oleh pimpinan illahi; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran di-tamatkan.

## BAHAGIAN INGGERIS

### WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (Repeat). PM: 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — My Music. 8.30 — Midweek Greetings by Nafisah Haji Ali; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Jazz Club—hosted by Tajul Ahmad; 10.30 — Close Down.

### THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —Thursday's Bandwagon—we invite you to hope aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00 — Pop Special: "The Allman Brothers" Side 1 (Repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — My Word; 9.00 — "Our Brunei" produced by Evelyn Samuel; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening from Nafisah Haji Ali; 10.30 — Close Down.

### FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —Sports Magazine; 11.15 — Tajud Ahmad Calling On You. PM: 12.15 — International Money Programme; 12.30 — News; 12.45—Our Brunei (Repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Thirty-Minute Theatre: "Green Elephant" by Ian D. Chessman: 8.30 — Break for Music with Light Music from the Netherland; 8.45 — "Listener's Digest" produced by Vivien Cheong; 9.15—News; 9.30—BBC World Report; 9.45—Just A Minute; 10.15—A Date with .............. 10.30 — Close Down.

### SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement —Thirty-Minute Theatre Repeat: "Green Elephant" by Ian D. Chessman; 11.30 — Women's World by Evelyn Samuel. NOON: 12.00 — My Music (Repeat); 12.30 — News; 12.45—Sounds by '76; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Just For Variety from Vivien Cheong; 9.00 — Your World; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

### SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Sunday Musical Potpourri; 7.45—UNESCO Titbits followed by Musical Potpourri; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Repeat); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement—Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (Repeat). PM: 12.15 — Just A Minute (Repeat); 12.30—News; 12.45—World of Education; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—Does The Team Think; 8.30 — Be My Guest introduced by Charan Chand; 9.00—Perspective; 9.15 —News; 9.30—Concert Hour; 10.30—Close Down.

### MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement Music-Go-Round . . . an uninterrupted programme of music and song for your listening pleasure. NOON: 12.00 — My Word (Repeat); 12.00—News; 12.45 — Interlude; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45—Men From The Ministry; 9.15—News; 9.30 — David Copperfield; 10.00 — How The West Sung; 10.30 — Close Down.

### TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives Special. NOON: 12.00—Be My Guest (Repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Science Journal; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Pop Special "The Allman Brothers" Side 2; 8.30 — It's All Yours — produced by Veronica Shim; 9.00—The Glums; 9.15—News; 9.30—Hello Tomorrow; 10.00—Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI KETUA JURURAWAT

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untok memenohi jawatan2 sa-bagai Ketua Jururawat di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) S.R.N. dari Singapura atau Malaysia atau dari lain2 negeri yang di-iktiraf oleh General Nursing Council of England.

b) Sijil Perbidanan Division I dari Federation of Malaysia atau dari Singapura atau yang sebanding dengan-nya.

c) Sebaik2-nya, tetapi tidak se-mesti-nya, pemohon hendak-lah mempunyai pengetahuan bahasa Melayu untok melaksanakan tugas2 mereka.

**Pengalaman :**

Pemohon2 hendak-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama dua tahun sa-bagai Jururawat Staff, sebaik2-nya dalam semua bidang kerja2 jururawat.

**Tugas2 :**

Am, Perubatan, Pembedahan Perbidanan dan rawatan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 11 — B$1190-1240-1310x50-1460. Gaji permulaan bergantong kapada pengalaman dan kelayakan2 tambahan yang telah di-perolehi.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 8hb Januari, 1977.

## Sa-bagai Penterjemah China

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah China di-Jabatan Imigeresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei,

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Senior Middle Chinese dan Sijil Persekolahan Seberang Laut dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris dan Tionghua atau yang sebanding.

b) Mempunyai pengalaman dalam kerja2 menterjemah.

**Tugas2 :**

Menterjemah risalah2 dari Bahasa Inggeris ka-bahasa China dan sa-balek-nya dan lain2 tugas kerani saperti yang di-arahkan dari masa ka-satu masa.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.3 EB.4 —B$490x25-615/EB/670x20-790. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan baksis 25% sa-telah genap tempoh kontrek.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 11hb Disember, 1976.

## Pembantu Teknik di-AMDB

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 Pembantu Teknik di-Askar Melayu Diraja Brunei, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Mesti-lah lulus pepereksaan Intermediate City and Guilds dalam Electrical Installation and Practice dan mempunyai sekurang2-nya satu tahun pengalaman, sa-telah tamat Sekolah Pertukangan, dengan sa-sebuah Jabatan Kerajaan atau dengan para pemborong.

ATAU

Mempunyai sekurang2-nya 8 tahun pengalaman dalam kerja2 membaiki dan memelihara berbagai2 jenis alat letrik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB.4 — $290x10-350x15-440-490x 25-615/EB/670x20-790.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 16hb Disember, 1976.

## Penyelenggara Setor Tk. III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D. Y. M. M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Chalon2 untok lantekan ini mesti-lah telah menchapai umor 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB.3 —$280x10-350/EB/360x10-410.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 6hb Disember, 1976.

## Sa-bagai Jurutaip di-JHEU

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D. Y. M. M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jurutaip di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 :**

a) Pemohon2 mesti-lah orang Melayu yang berkelulusan sekurang2-nya Tingkatan III di-Sekolah Menengah Kerajaan atau yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai kechepatan menaip sekurang2-nya 40 perkataan dalam sa-minit. Hendak-lah pandai membacha dan menulis Jawi dengan baik.

c) Mempunyai kelayakan Trengkas merupakan satu kelebehan.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB. 4—$290x10-350x15-440-490x 25-615/EB/670x20-790. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb Disember, 1976.

## INSECTISIDES FOR RBMR

TENDERS are invited for the supply of insecticides to RBMR for one year commencing on 1st January 1977. Delivery is required in 12 phases each delivery to take place on the first working day of each calendar month to Transit, RBMR Logistics Depot, Berakas Camp. Each delivery to comprise of :

1) 40 x 45 gallon Drums of D.D.T. Kerosene 75%.
2) 20 x 110 Ibs Drums of Diavinon.
3) 9 x 45 gallon Drums of Malation EC 80.
4) 9 x 110 Ibs Drums of Malation W/P 25.
5) 6 x 45 gallon Drums of Deldrin 15 %
6) 20 x 45 gallon Drums of D.D.V.P.
7) 9 x 110 Ibs Drums of D.D.T. Powder.

Tenders are to be submitted to the Chairman, Brunei Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 12.00 hours on 3rd December, 1976 stating delivery price of each seperate item for the years supply. All Tenders are to be submitted in plain envelopes and should be endorsed "RMBR INSECTISIDES"

The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender.

## JUALAN LELONG

Dengan ini di-maalomkan kapada orang ramai bahawa Jualan Lelong bagi barang2 yang di-sebutkan di-bawah ini akan di-adakan di-kawasan Kastam, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu 27hb Nobember, 1976, mulai pukol 9.00 pagi.

Penangkap2 Lelong yang berjaya ada-lah di-kehendaki membayar dengan wang tunai dan seterus-nya memindahkan barang2 tersebut sa-chepat mungkin.

## AUCTION SALE

Notice is hereby given that an Auction Sale of the following goods will be held at the Customs Compound, Bandar Seri Begawan on Saturday 27th November 1976 commencing at 9.00 a.m.

The successful bidder will be required to pay cash and to removed the goods from the site as quickly as possible.

### SCHEDULE

| | |
|---|---|
| 1 case of Pipe valves | K F C Khon Foh Co |
| 1 carton matches | Hongkong and Shanghai Bank |
| 1 case textile goods | F E P Brunei |
| 1 carton induction motor | K E L |
| 1 case maintenance hanger | Behn Mayer S T M 2637/74 Singapore |
| 1 case dry batteries | Borneo Co Ltd |
| 2 cartons English books | Pan Asia Book Store Trading Co. Ltd. |
| 1 carton Thorn Lights | K W Brunei |
| 1 crate plywood | C M C |
| 1 case electric wire | L E E C |
| 1 case Omega Advertising materials | Chung Pah Hing |
| 2 cases rubber shoes | Belait Shoe Store Seria |
| 1 case life jackets | Shick Sui Koo |
| 1 case bowls and plates | Chop Kwang Sang |
| 1 case preserved pickles | Tan Boon Heng |
| 1 case liquid chemical | Borneo Co (KB) |
| 1 bundle Plastic Packing | Lin Thin Hoe |
| 1 carton cabinet | Kwek Engineering |
| 1 carton Toilet seat covers | Hong Kee Muara |
| 1 lot Thorn Lights | A B Brunei |
| 1 case life safe equipments | Fairways Brunei |
| 1 carton wall brackets | D F Brunei |
| 1 carton batteries accessories | Borneo Straits |
| 22 cartons Mosaic tiles | Mixed markings e.g. New Kong Seng Brunei etc. |
| 1 case electric celling fan motor | No marking |
| 1 carton Super Shell Oil | No marking |
| 1 case healthy brand soaps | No marking |
| 6 cartons drinking glasses | No marking |
| 1 carton door locks | No marking |
| 1 bag belts | No marking |
| 5 cartons ringkat | No marking |
| 1 crate printing paper | No marking |
| 1 case single pole fuse switches | No marking |
| 4 cartons generator ventilators | No marking |
| 1 carton wall tiles | No marking |
| 6 tins Imperacin venteniary soluble powder | No marking |
| 6 cartons clothes clippers | No marking |
| 4 bags clothes clippers | No marking |
| 2 cartons baby weighing machines | No marking |
| 8 rolls drawing papers | No marking |
| 1 carton magnus hand cleaners | No marking |
| 1 box Magazines (Chinese) | Aik Bee |
| 2 boxes Playing records | Bank of America |
| 1 box magazines | Aik Bee Co |
| 1 box Meng Sin Fashion | Ladies T Shirts |
| 1 case Emulsion | Borneo Co |
| 1 case Cassettes Tapes | Swee Guan |
| 1 box Individual Grant — Advertisement materials | Borneo Co |
| 2 boxes wall paper | National Bank |
| 1 box Fruit Essence (Takasago) (3 bottle 1 kg) (5 bottle 500 gram) | Mr Lin Hsin Fu |
| 1 box Plastic Blue Scope | Borneo Traders |
| 1 box Tiles | Francis Weng Yit Sing |
| 1 box lamps | Archee Const. Co. |
| 1 case Cutting Disc. | Hing Co |
| 1 box empty boxes labels | The North Borneo |
| 1 box Female magazines | Aik Bee & Co. |
| 15 pieces underwears | No marking |
| 7 pieces gents shirts | No marking |
| 7 pieces towels | No marking |
| 5 pieces sarongs | No marking |
| 7 pieces gents shirts | No marking |
| 2 pieces ringkat | No marking |
| 2 pieces water jugs | No marking |
| 6 pieces water containers | No marking |
| 3 pieces bronze wares | No marking |
| 3 pieces water jugs | No marking |
| 2 bottles Hennessy Brandy | No marking |
| 1 crate Electric Engine | Sarawak Shell Bhd |

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEJABAT DAERAH BELAIT
## PEMBERITAHUAN TAWARAN

1. TAWARAN ada-lah di-jemput untok memohoni Canteen di-Bangunan Pejabat2 Kerajaan Belait, Kuala Belait.
2. Canteen ini mempunyai alat perkakas kerusi dan meja.
3. Orang lain atau beraleh tangan kapada sa-seorang ada-lah tidak di-benarkan untok menjalankan jualan ini, kechuali daripada pemohon yang berjaya itu sendiri.
4. Bayaran sewa untok tempoh 6 bulan hendak-lah terlebeh dahulu di-jelaskan sa-belum kebenaran di-beri untok memulakan penjualan di-Canteen tersebut.
5. Canteen ini hanya di-hakikatkan kapada kaki-tangan Kerajaan. Dan tidak terbuka kapada orang2 awam, kechuali saperti sharat2 yang tersebut di-bawah ini : —
   i) Pada orang2 yang mempunyai urusan dengan Kerajaan dalam masa pejabat di-buka.
   ii) Kaum pekerja yang berkhidmat dengan Kerajaan.
6. Canteen ini hanya di-buka dari jam 7.00 pagi hingga 5.00 petang.
7. Permohonan yang berjaya mesti-lah mempunyai chukop pekerja2 pelayan untok menjayakan Canteen ini.
8. Pemborong ada-lah di-kehendaki mengadakan jualan minuman2 ringan dan makanan2. Minuman dan makanan yang di-tegah oleh Ugama Islam tidak boleh di-jual di-Canteen ini.
9. Permohonan yang berjaya hendak-lah bertanggong jawab atas bayaran gas sahaja. Bayaran lampu dan ayer tidak di-kenakan, tetapi walau bagaimana pun apabila menggunakan lampu dan ayer hendak-lah dengan chermat.
10. Pemohon yang berjaya akan di-beri satu lesen berniaga di-Canteen sa-lama 6 bulan dari mula dia-nya menjalankan penjualan-nya. Dan juga di-kehendaki untok memenohi permintaan dan arahan dari masa ka-masa yang di-beri oleh Pegawai Daerah Belait berhubong dengan menjayakan Canteen tersebut.
11. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampul surat dan perkataan "CANTEEN DI-BANGUNAN PEJABAT2 KERAJAAN BELAIT". Dan sampul2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang 29hb Nobember, 1976.
12. Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.
13. Tawaran2 yang di-terima dalam sampul2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.
14. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran. Dan pertimbangan akan di-beri kapada si-pemohon yang di-fikir mempunyai perkhidmatan yang berkelayakan. Maka oleh itu ada-lah mustahak-nya bagi pemohon menyatakan pengalaman-nya untok menyatakan pengalaman-nya untok menjayakan urusan Canteen tersebut.

### LAUNDRY CONTRACT 2ND BATTALION RBMR

1. TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei, up to 4.00 p.m. Monday 13th December 1976.
2. The Contract is for a period of 2 years from the date of signing the Contract.
3. Tenders must be placed in a plain envelope. There must be not indication on the envelope of the name of the Tenderers. The job tendered for must be clearly shown on the envelope and the wording should be:

LAUNDRY CONRACT — SECOND BATTALLION ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT".

4. Tender forms and Special Conditions for the Laundry Contract may be obtained from the D.A.D.O.S. Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, during normal working hours upon receipt of a deposit of $500.00.
5. The Brunei Government does not bind itself to accepting the lowest tender.

### P W D TENDER NOTICE

No. 131 OF 1976

TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei Registered Contractor by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 30th November, 1976 for : —

CONSTRUCTION OF HARDSTANDING AT MUARA PORT, BRUNEI.

Tenders documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### PROPOSED NEW HANGAR FOR RBA AT THE NEW AIRPORT TERMINAL

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board from JKR (Brunei) Registered Class "A" Contractors, with experience in earthwork and retaining structures for the site preparation and ancillary works of "The Proposed New Hangar for RBA, New Brunei Airport Terminal."
2. Tender Documents shall be obtained from the Consulting Engineers:—

Messrs. Bolton Hennessey Cogan & Associates,
No. 146B, Jalan Chevalier,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

as from Wednesday 1st December, 1976 during working hours.

3. Tenderers must show registration proof before they will be issued with tender documents.

The tender deposit is $500.00 and this will be refunded on receipt of a bona fide tender and the return of all drawings in good conditions to the Consulting Engineers.

4. Tenders in the form provided and as instructed in the Documents shall be enclosed in a plain sealed envelope marked on the outside "Tender For The New Hangar Earthworks, New Airport Terminal, Brunei", and shall be addressed to and delivered to the office of:—

The Chairman,
Tenders Board,
State Secretariat,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

not later than 12.00 noon Tuesday 21st December, 1976. The Government is not bound to accept the lowest or any tender.

## DI-RADIO TALIVISHEN BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang mempunyai kelayakan2 yang sesuai untok memenohi kekosongan2 yang berikut di-Radio Talivishen Brunei.

a) **Penerbit** — C3EB4 — $1160x40-1320/EB/1360x40-1520.
b) **Juruteknik Pemeliharaan Kanan**—C4—B$1360x40-1520.
c) **Jurukamera Perfileman** — C2 atau C2EB3—B$840x30-960x40-1120 atau B$840x30-960x40-1120/EB/1160x40-1320.
d) **Perakam Suara Filem** — C2 EB 3—B$840x30-960x40-1120/EB/1160x40-1320.
e) **Penyunting Filem**—C2 EB3—B$840x30-960x40-1120 / EB / 1160x40-1320.
f) **Penolong Operesen Kanan** (Jurukamera Studio, Lampu dan Suara) C3EB4—B$1160x40-1320/EB/1360x40-1520.
g) **Penyunting Kanan** (Berita) — C3EB4 — B$1160x40-1320/EB/1360x40-1520.

Kelayakan2 asas yang di-perlukan bagi tiap2 jawatan ini ia-lah pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya enam tahun pengalaman bekerja dalam lapangan2 yang berkenaan dengan sa-sebuah Perkhidmatan Talivishen.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Pengarah Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb Disember, 1976.

## Sa-bagai Merinyu Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D. Y. M. M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Merinyu Kesihatan Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 mesti-lah berumor sekurang2-nya 18 tahun tetapi tidak lebeh dari 25 tahun. Mereka mesti-lah telah lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris dan sama ada satu matapelajaran Sains atau Sains 'Am atau pun lulus dalam matapelajaran2 'O' Level yang tertentu yang boleh di-terima untok latehan lanjutan.

**Sukatan Gaji Bagi Merinyu Kesihatan :**

Merinyu Kesihatan Perchubaan: D. 1 EB. 2 — $290x10-340/EB/350x15-440.

Merinyu Kesihatan : D.3 EB.4 —$490x25-615/EB/670x20-790.

Ketua Merinyu Kesihatan : C.3 EB.4 — $1160x40-1320/EB/1360x40-1520.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang di-pileh akan di-lantek dalam perchubaan sa-lama tiga tahun dan dalam tempoh ini mereka mesti-lah memperolehi Sijil dari Royal Society of Health. Mereka akan di-hantar ka-Singapura dengan perbelanjaan Kerajaan untok menjalani latehan.

Sa-seorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya, dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb Disember, 1976.

## Kenyataan Penguasa Warith

### SURAT KUASA PESAKA
No. 107/1976

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Banun @ Dy Sarbanun bte Awg. Mohammad, d/a Ampuan Daud bin Ampuan Haji Judah, No. 30, Kg Sumbiling Baru, Bandar Seri Begawan, kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Ampuan Ahmad bin Ampuan Haji Judah yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ialah balu kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 25 haribulan Nobember, 1976, pada jam pukul 2.00 petang.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 17 haribulan Nobember, 1976.

AWG. HAJI MOHD. ALI BIN HAJI MOHD. DAUD
*Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.*

### STATE STORES & SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 16/76

TENDERS are invited for the supply of

LIQUID CHLORINE FOR 1977

Please contact the Controller of Government Stores, State Stores and Supplies Department, Gadong, during working hours for particulars of tender.

Tender closes on Tuesday, 12.00 noon 14th December, 1976.

### TENDER NOTICES

TENDERS are invited for the supply of the undermentioned item to the Royal Brunei Malay Regiment.

Hatsuta Opt Sprayers No. A13 Qty 48.

The tender is to state price and delivery time.

Tenders are to be submitted to the Chairman, Brunei Tenders Board, Bandar Seri Begawan by 1200 hrs 30th November 1976.

### AIR CONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED SIXTH FORM CENTRE, COLLEGE COMPLEX, PHASE III, BANDAR SERI BEGAWAN

REGISTERED Class 'A' Air Conditioning Contractors are invited to submit tender for the complete supply and installation of Air conditioning services for Proposed Sixth Form Centre, College Complex, Phase III, Bandar Seri Begawan.

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 146A, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei from 25th November, 1976 onwards during normal office hours. The tender deposit of B$400.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of The Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 14th December, 1976. Tenders receiver after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be endorsed in a plain sealed envelope marked: TENDER FOR AIR CONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED SIXTH FORM CENTRE, COLLEGE COMPLEX, PHASE III, B. S. BEGAWAN.

Our clients, The Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## Ketua T. Masak

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D. Y. M. M. Sultan untok memenohi jawatan sa-bagai Ketua Tukang Masak di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 Melayu berumor tidak kurang dari 30 tahun dan mempunyai pengalaman memasak di-Mess/Kantin atau restoran.
b) Mesti-lah mempunyai pengalaman menyelia tukang2 masak, menjaga dan memereksa barang2 yang di-bekalkan dan menyediakan jadual2 makanan serta makan minum.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB. 3—$280x10-350/EB/360x10-410.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 4hb Januari, 1977.

### ELECTRICAL DEPT TENDER NOTICE

**SERIAL No. 52(IW)/1976**

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' & 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 14th December, 1976 for the following : —

ADDITIONAL INTERNAL ELECTRICAL INSTALLATION FOR EXISTING FABRICATION & VEHICLE BODY, WELDING AND ELECTRICAL WORKSHOPS, BUILDING TRADE SCHOOL, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents may be obtained from the Office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The Tender documents to be placed in plain envelope addressed to the Tender Board. The envelope to be clearly marked:— "Tender for Additional Internal Electrical Installation for Existing Fabricating & Vehicle Body, Welding and Electrical Workshops, Building Trade School, Jalan Muara, Brunei."




Peserta2 kursus pemimpin2 sharikat kerjasama bergambar ramai sa-lepas majlis penutop kursus pada hari Ahad lalu.

## *Pemimpin2 Sharikat K'sama di-seru:*

# GUNAKAN KEMUDAHAN2 YANG DI-SEDIAKAN

BANGAR.—Pemimpin2 persatuan sharikat2 kerjasama Daerah Temburong telah di-seru supaya akan dapat menggunakan kemudahan dan bantuan yang di-berikan oleh Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Sharikat Kerjasama kapada mereka dengan sebaik2-nya.

Demikian telah di-uchapkan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad ketika merasmikan kursus tiga hari kapada pemimpin2 sharikat kerjasama bagi daerah itu di-Dewan Ria di-sini pagi Jumaat lepas.

Awang Abdul Aziz menasehatkan mereka seharus-nya para pemimpin dan ahli2 sharikat2 kerjasama janganlah mempunyai perasaan mahu kalah dalam menjalankan usaha2 perniagaan mereka apabila di-dapati pertandingan dengan sharikat2 perniagaan yang lain yang lebeh besar dan maju.

Kursus tersebut di-hadhiri oleh 35 orang ahli2 dari lima buah sharikat kerjasama yang berdaftar di-samping 18 orang lain-nya hadhir sabagai pemerhati dari sharikat2 yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Ia-nya ada-lah kursus kali kedua yang di-adakan oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama di-mana kursus yang sama juga telah di-adakan pertama kali-nya di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan awal bulan ini.

Terdahulu dari itu Awang Omar bin Haji Serudin, Pemangku Pesurohjaya Jabatan Kemajuan Sharikat Kerjasama telah beruchap di-majlis tersebut.

Kursus itu telah berakhir pada hari Ahad lepas di-mana penyampaian sijil telah di-lakukan oleh wakil Pemangku Pesurohjaya Jabatan Sharikat Kerjasama, Awang Abdul Hamid Rahmat kapada peserta2 kursus di-sebelah petang-nya.

Sa-panjang menghadhiri kursus, peserta2 kursus telah juga berkesempatan membuat lawatan ka-Sharikat Kedai Batang Tuau dan Mukim Labu di-samping mengikuti beberapa cheramah yang di-sampaikan oleh Pegawai2 Kemajuan Sharikat Kerjasama.

# Lawatan p'ragam S'pura ka-sini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 180 orang murid dari tiga buah pasokan pancharagam sekolah rendah di-Singapura akan mengadakan lawatan muhibbah sa-lama sa-minggu ka-negeri ini.

Rombongan yang akan di-sertai oleh 20 orang pegawai dari Kementerian Pelajaran itu di-jadualkan tiba di-sini pada 26hb dan 27hb Nobember ini.

Rombongan tersebut yang akan tiba dalam empat rombongan itu akan mengadakan beberapa pertunjokan pancharagam di-Pusat Belia di-sini dan KBRC, Kuala Belait.

Demikian di-nyatakan kapada Pelita Brunei oleh Penyusun Latehan Kesenian Jabatan Pelajaran yang mengelolakan lawatan tersebut minggu ini.

Pertunjokan permainan mereka juga akan di-tunjokkan untok tontonan orang ramai bertempat di-Padang Besar pada hari Ahad 28hb. Nobember jam 4.30 petang dan di-Padang KBRC, Kuala Belait pada 29hb. Nobember jam 4.15 petang.

Di-samping mengadakan beberapa pertunjokan permainan pelawat2 itu juga akan membuat lawatan ka-tempat2 menarek di-negeri ini saperti Muzium, Bangunan Peringatan Churchill dan Akurium Hassanal Bolkiah serta Kampong Ayer.

Satu majlis perpisahan bagi mera'ikan pelawat2 itu akan di-adakan pada malam Selasa 30hb. Nobember bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Pusar Ulak.

Penerbangan pulang rombongan itu ia-lah pada 1hb., 2hb. dan 3hb. Disember minggu depan.



KIRA2 400 orang ibubapa, penjaga dan kanak2 telah hadhir dalam majlis penyampaian sijil dan pesta ria kanak2 Tabika yang berlangsong di-Pusat Belia di-sini petang Ahad lalu.

YAM Pengiran Anak Siti Rafeah, isteri Pengarah Perpindahan (gambar atas) dan Dayang Masnah bte Haji Tuah, isteri Pemangku Pengarah Pelajaran telah menyampaikan sijil2 dan hadiah2 kapada 81 orang kanak2 Tabika pada hari itu.



Enchik Micheal Chong, Pemangku Kurator Muzium Sabah (kiri) dan Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, Pegawai Muzium Brunei yang telah mendudoki pepereksaan Associate of Museum Association (AMA) London yang di-adakan di-Muzium Brunei pada 9hb hingga 11hb Nobember, yang lalu.

# Jadual lawatan D-terbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan perkhidmatan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ka-kampong2 pendalaman bagi bulan Disember depan.

Menurut jadual yang di-keluarkan oleh jabatan tersebut, rombongan itu akan melawat 15 buah kampong di-tiga daerah untok memberikan perkhidmatan perubatan kapada pendudok2 kampong tersebut.

Rombongan tersebut akan mengunjongi lima buah kampong di-Daerah Belait ia-itu Kampong Baran dan Teraja pada 1hb Disember; Kampong Buau pada 6hb Disember; Kampong Sukang pada 20hb Disember dan Kampong Melilas pada 21hb Disember.

Tiga buah kampong di-Daerah Temburong yang akan di-kunjongi oleh rombongan itu ia-lah Kampong Lopat pada 8hb Disember; Kampong Biang Menengah dan Lamaling pada 13hb Disember.

Bagi Daerah Tutong, rombongan itu akan berada di-Kampong Benutan pada 7hb Disember, Kampong Panchong pada 14hb Disember; Kampong Ukong pada 15hb Disember; Kampong Belabau pada 21hb Disember; Kampong Supon Besar pada 28hb Disember; Kampong Long Mayan dan Supon Kechil pada 29hb Disember.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.